

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1987/88

HGM 231 - Geografi Manusia

Tarikh: 26 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari  
( 3Jam )

Jawab EMPAT(4) soalan. Pilih SATU(1) soalan daripada setiap Bahagian A, B, C, dan D.  
Semua soalan akan membawa markah yang sama.

**BAHAGIAN A**

1. Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu terangkan kepentingan konsep-konsep berikut dalam kajian geografi manusia:
  - (a) skala
  - (b) masa
  - (c) kaedah kuantitatif
  - (d) struktur reruang
  - (e) sikap manusia
2. Nilai perspektif geografi dari segi teoritikal dan gunaan berubah mengikut kehendak zaman.

(Peter Taylor, 1985)

Terangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada perkembangan geografi selepas Perang Dunia Kedua.

**BAHAGIAN B**

3. (a) Terangkan pola organisasi reruang kegiatan pertanian pindah di hutan tropika lembab.  
(b) Perlukah kegiatan pertanian pindah ini dihadkan? Jelaskan.

.../2

4. Tuliskan nota-nota ringkas mengenai pendekatan-pendekatan berikut berkait dengan tradisi pertalian manusia dan alam sekitar:

- (a) determinisme alam sekitar
- (b) posibilisme
- (c) probabilisme
- (d) behaviouralisme kognitif

#### BAHAGIAN C

5. (a) Bezakan di antara ruang mutlak dan ruang relatif.

(b) Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu terangkan:

- i. ruang masa;
- ii. ruang ekonomi; dan
- iii. ruang sosial.

(c) Dengan menggunakan gambarajah-gambarajah tertentu terangkan bagaimana suatu peta ruang relatif boleh dilukiskan.

6. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan "fizik sosial" dan "penerangan geometrik"?

(b) Merujuk kepada sama ada model graviti atau model pusat petempatan, nilaiakan penggunaan model ini dalam perancangan reruang.

#### BAHAGIAN D

7. Terangkan model "ekonomi ekopolitik". Bagaimanakah model ini berbeza daripada model-model difusi. Berikan jawapan anda dengan merujuk kepada proses pembangunan ekonomi.

8. (a) Apakah unsur-unsur asas yang patut diambil kira dalam suatu definisi "pembangunan ekonomi"?

(b) Dengan merujuk kepada satu model pembangunan ekonomi nilaiakan sejauh manakah unsur-unsur asas ini diambil kira/tidak diambil kira.